

فتنق تنه

PETIKAN TITAH

"SETA dan sebagainya bermakna alih-alih
dalam perintahnya untuk mengurangkan dan
mengurangkan sifat-sifat penciptaan dan
kebaikan dan sebagainya yang berlaku pada
ketika yang tidak akan berseri
dari pada manusia yang kita tuju
menurutnya... Tidak sempena menyampaikan
Nurul Al-Qur'an pada 22 Mac
1982."



شلیتا برunei Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

مابن اهاد

MANDESA IMAN

"BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Januari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Dr. Shanker Dayal Sharma, Presiden dan Tuan Yang Terutama Tuan P.V. Narasimha Rao, Perdana Menteri Republik India bersempena dengan Hari Ulang Tahun Pengisytiharan Republik India.

TAHUN 41 BILANGAN 5

RABU 31 JANUARI, 1996

رایبر 10 رمضان، 1416

PERCUMA



PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pejabat Orang Kaya Raja Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa ketika hadir di Majlis Bertahlil anjuran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bertempat di Kubah Makam

MAJLIS BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA

Oleh
Bolhassan HAB

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 Januari. — Seperti lazimnya di bulan Ramadhan yang mubarak kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, sektor swasta, mukim-mukim, kampung-kampung serta badan-badan dan persatuan kebajikan secara bergilir-gilir mengadakan Majlis Bertahlil.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bahawanya mengadakan Majlis Bertahlil bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit. Majlis berlangsung di Kubah Makam Diraja dekat Gadong.

Bacaan Surah Yaasin dan tahlil dipimpin oleh Mudim

Industri pembinaan diseru perkenalkan kualiti pengurusan ISO 9000

Oleh
Abdullah Asgar

GADONG, 18 Januari. — Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Dr. Haji Ismail menyertu industri pembinaan di negara ini terutamanya yang terlibat dalam pemborongan supaya memperkenalkan kualiti pengurusan sistem ISO 9000.

"Saya menekankan bahawa kualiti pengurusan adalah strategi jangka panjang bagi persaingan-persaingan masa depan. Oleh yang demikian, syarikat yang melabuh kepada kualiti sekarang dalam kemajuan, memperkenalkan dan menghaluskan kualiti pengurusan sistem mereka akan maju ke hadapan daripada saingan mereka," tambah Yang Berhormat.

Perkara ini ditegaskan oleh Yang Berhormat sebelum Majlis Penyampaian Sijil ISO 9002 kepada Syarikat Swee Sendirian Berhad salah sebuah syarikat tempatan di bidang kejuruteraan awam dan pengontrak bangunan, malam tadi di salah sebuah hotel di Gadong.

Menurut Yang Berhormat, untuk mencapai Sijil ISO 9002 setiap syarikat pengontrak mestilah mempunyai operasi cemerlang yang tinggi melalui kurangnya dalam kesalahan kerja dan pembuangan masa. Iaitu dalam menjimatkan perbelanjaan dengan membuat

kerja yang tepat di peringkat pertama, meningkatkan pemasaran melalui jaminan kepada kehendak pelanggan, menambahkan keyakinan pelanggan dalam kebolehan syarikat kepada kekuahan memberikan perkhdmatan kualiti dan penghasilan penghasilan dan yang akhir ialah semangat tinggi kakitangan sebagai pengesahan piawai ketiga menyediakan pengakuan dan menambah imej korporat.

Tambah Yang Berhormat lagi, Swee Sendirian Berhad merupakan pemborong pertama yang menerima penganugerahan yang berprestij ini. Sekarang ia telah memasuki 20 syarikat yang lain di negara ini sesiapa yang juga telah berjaya mencapai anugerah ISO 9000. Satu hari nanti di masa depan kita akan bekerja hanya dengan syarikat yang berdaftar dengan ISO 9000.

Yang Berhormat juga menyatakan dalam industri pembinaan, terutamanya kepada pemborong-pemborong untuk memperkenalkan sistem pengurusan kualiti ISO 9000.

Syarikat Swee Sendirian Berhad mula beroperasi da-

lam tahun 1967 sebagai syarikat pembinaan. Padam ini ia telah berkembang maju sebagai sebuah pemborong kejuruteraan awam yang terkenal di negara ini. Sekarang ia juga menyediakan konkrit yang sedar masak, konkrit aspal dan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan kelulusan ujian makmal.

Setakat ini Swee Sendirian Berhad telah mengusahakan lebih 150 projek, ini antaranya

Persefahaman erat akan terus dipertingkat

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Januari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Dr. Shanker Dayal Sharma, Presiden dan Tuan Yang Terutama Tuan P.V. Narasimha Rao, Perdana Menteri Republik India bersempena dengan Hari Ulang Tahun Pengisytiharan Republik India.

Dalam perutusan baginda, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sejauh lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik India. Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan diper-

tingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berharap semoga Tuan Yang Terutama Dr. Shanker Dayal Sharma, sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Republik India akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Tuan P.V. Narasimha Rao, Perdana Menteri Republik India, baginda mengucapkan setinggi-setinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat Republik India sempena dengan Hari Ulang Tahun Pengisytiharan Republik India.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sejauh lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik India. Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan diper-

tingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda mendoa semoga Tuan Yang Terutama akan sentiasa menikmati kemakmuran dan sejahtera.

Lihat muka 16

JANGAN NAHKAN HARGA BARANG

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Januari. — Semua pekedai-pekedai dan penjual-penjual di seluruh Negara Brunei Darussalam adalah dengan ini dinasihatkan supaya tidak akan mengambil kesempatan untuk menaikkan harga-harga barang makanan dan lain-lain keperluan tanpa sebab-sebab yang munasabah semasa bulan Puasa dan menjelang Hari Raya ini nanti.

Pengarah Unit Perancang Ekonomi dalam memorandumnya bertarikh hari ini juga menasihatkan mereka supaya mendapatkan bekal-bekalan yang mencukupi bagi memenuhi permintaan di musim perayaan ini.

Pegawai-pegawai dari Bahagian Kawalan Harga akan sentiasa keluar melakukan pemeriksaan bagi memastikan bahawa barang-barang itu adalah dijual dengan harga-harga yang berpatutan dan tanda-tanda harga yang betul ditunjukkan.

Sesiapa jua yang mendapat harga-harga

barang telah dinasihahkan melebihi dari harga-harga sepertutnya hendaklah melaporkan kepada Bahagian Kawalan Harga, nombor telefon 241910 atau 225555, Unif Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam atau kepada pegawai-pejawai di jabatan di bawah ini :-

Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Lembaga Bandaran, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Pejabat Daerah Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Pejabat Daerah Temburong, Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai adalah juga dinasihatkan seberapa yang boleh akan dapat membeli barang-barang keperluan mereka awal-awal lagi demi untuk mengelakkan kesibukan menjelangnya Hari Raya Puasa.



دفن نام الله يخدها
فسورة دان مها فبايغ

RAKYAT TERUS MENIKMATI PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN

DALAM era kemerdekaan Negara Brunei Darussalam berbagai tetapan serong dan negatif telah dibuat oleh pemersatu-pemersatu politik dan media-media asing yang mana mereka telah meramalkan dalam era tersebut negara ini akan menghadapi suasana di masa depan yang tidak menentu di samping akan menghadapi poltrikal vakum ataupun ruang-ruang politik yang menumbulkan perubahan serta pertumbuhan ekonomi yang minimal. Tetapi yang jelas ramalan mereka itu semuanya meleset kerana apa yang berlaku adalah sebaliknya.

Rakyat dan penduduk telah dapat menikmati pembangunan dan kemajuan negara yang sangat membanggakan dan meggalakkan di pelbagai bidang sejak negara mencapai kemerdekaan 11 tahun yang lalu. Hasi-hasi dan kesan pembangunan itu telah dapat dirasakan oleh segenap lapisan masyarakat kerana pembangunan yang dirancang bukan semata-mata tertumpu di kawasan-kawasan bandar malah meliputi kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman di seluruh negara ini.

Kemajuan dan pembangunan yang telah dicapai oleh negara menunjukkan dan membuktikan akan kemampuan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengisikkan era kemerdekaan dengan penuh bermakna. Ia juga merupakan bukti yang nyata bahawa rakyat dan penduduk negara ini mempunyai penuh komitmen dan tanggungjawab untuk bangun dan menyayuh cabaran-cabaran kemerdekaan setara dengan masyarakat negara-negara merdeka dan berdaulat yang lain. Sekaligus kemampuan kita mengisi era kemerdekaan dengan program-program pembangunan yang menyumbang kepada kestabilan sosial dan politik serta memantapkan dan mengukuhkan kemakmuran, kesejahteraan dan kebaikan negara dan rakyat itu telah berjaya menepis teladan-teladan serong dan negatif yang dibuat oleh pemersatu-pemersatu politik dan media asing tersebut.

Apa yang membanggakan kita lagi ialah hingga ke hari ini negara kita dapat memantapkan terus kemerdekaannya di samping dapat berfungsi sepenuhnya pada menanai tanggungjawab untuk menangani ataupun memenuhi keperluan politik, ekonomi, sosial dan pembangunan dalam negeri. Dalam arena antarabangsa juga negara kita telah dapat memainkan peranan dengan penuh komitmen sebagai anggota masyarakat pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa.

Pembangunan yang kita capai dan nikmati bukan sahaja tertumpu di bidang infrastruktur malah juga meliputi pendidikan dan perkembangan tenaga manusia melalui program-program pendidikan dan perkembangan tenaga manusia dalam dan luar negeri yang telah berjaya menghasilkan tenaga-tenaga mahir tempatan yang semakin bertambah ramai setiap tahun termasuklah dalam bidang kedoktoran, undang-undang, peguam, jurutera, aktauntan dan lain-lain yang telah menyumbang di sektor kerajaan dan swasta.

Di bidang ekonomi kita telah menikmati perkembangan dan pertumbuhan yang menyakinkan yang mana pergantungan ekonomi kita kepada hasil minyak dan gas telah turun daripada 90 peratus kepada lebih kurang 39 peratus. 61 peratus sumber ekonomi negara dewan ini datangnya daripada sektor awam dan swasta. Ini satu lagi bukti kemampuan negara kita yang dengan sendirinya juga menolak tohmann-tohmann yang mengatakan negara kita menghadapi pertumbuhan ekonomi sifar. Gambaran-gambaran ini membuktikan bahawa kita mempunyai sebuah kerajaan yang berwibawa dan berkesan di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang merupakan seorang ketua negara dan kerajaan yang bekerja kuat dan mengambil berat pada memastikan kemakmuran, kebaikan, kemajuan dan kesejahteraan negara, rakyat dan penduduk serta generasi masa depan adalah berterusan dan terjamin. Ini dapat dilihat daripada dasar pelaburan luar negeri negara yang ditujukan bagi keperluan generasi masa depan dan penglibatan langsung baginda secara aktif di dalam forum-forum dan mesyuarat ekonomi serantau dan antarabangsa bagi memastikan peluang perdagangan, pasaran dan pelaburan negara yang luas dan terbuka.

ISLAM AGAMA DINAMIK YANG BOLEH MENGATASI TEKANAN YANG BERBEZA SEPANJANG ZAMAN

ADALAH sempedi setu penghormatan dan keistimewaan bagi saya kerana diundang untuk merasmikan pembukaan pameran pada hari ini yang bertemakan 'Muslims in Britain' yang ditaja dengan ibuan Kerajaan British. Ini sudah setentu merupakan satu lagi mercutanda yang penting dalam perhubungan kita yang sentiasa mesra dengan Britain. Ramai di antara kita yang telah pergi ke Britain sebagai pelajar, pelawat atau pun dalam urusan rasmi yang sudah pasti mengetahui akan 'lanskap orang-orang Islam' di Britain yang akan ditonjolkan dalam pameran melalui imej-imej yang positif. Oleh yang demikian saya terlebih dahulu mengambil kesempatan ini untuk melafazkan melaui Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, penghargaan setingginya serta ucapan terima kasih kepada Britain kerana menganjurkan pameran yang begitu terserah di negara kami. Saya difahamkan bahawa barang-barang yang dipamerkan di sini sudah pun disaksikan oleh berjuta-juta orang Islam di negara-negara seperti Bangladesh, Timur Tengah dan baru-baru ini di Malaysia dan Republik Indonesia.

Pameran ini dapat membantu kita memperolehi sedikit sebanyak pengetahuan tentang orang-orang Islam yang bermastautin di Britain, kebebasan dan peluang-peluang yang mereka nikmati, serta bagaimana mereka hidup dalam masyarakat British. Tambahan pula ianya menggambarkan Britain sebagai masyarakat pelbagai budaya di mana masyarakat beragama Islam dapat memberi sumbangan yang sejawarnya. Mereka telah membina masjid, mengekalkan identiti keislaman mereka dengan mematuhi adat resam, upacara keagamaan serta pendidikan mereka. Pada hakikatnya, Britain merupakan tanahair bagi lebih sejuta rakyat yang mengamalkan agama Islam yang merupakan salah satu agama yang berkembang dengan cepat di dunia Barat. Lebih daripada 500 buah masjid telah dibina di Britain sementara minat dalam budaya Islam kian berkembang di Britain. Justeru itu adalah amat bertepatan sekali bilamana Kerajaan British telah memilih pameran ini untuk memberi pengetahuan kepada kita tentang realiti cara hidup orang-orang Islam di tengah-tengah pengaruh bersebelahan yang melulu mengenai Syariah, undang-undang pelbagai budaya mod Barat.



UCAPAN Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijey Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz di Upacara Pembukaan Pameran 'Muslims in Britain' pada 31 Januari, 1996 di Muzium-Muzium Brunei.

Melalui usaha yang terpuji Kerajaan British ini, kita bukan hanya berada dalam kedudukan untuk memberikan persepsi yang lebih baik mengenai saudara-saudara Islam kita di Britain, malah juga yang lebih penting adalah keperluan bagi kewujudan bersama yang aman dengan agama-agama dan budaya-budaya lain di dunia. Pameran menonjolkan universalisme dan juga keadaan agama Islam yang tidak berubah sebagai agama tanpa mengira usia dan rupa bangsa. Di waktu yang sama ini menolong untuk melenyapkan istilah yang salah akan cari Islam diamalkan dalam persekitaran Barat. Sememangnya diketahui ramai bahawa di Barat, Islam terus menjadi agama yang tidak dapat difahami dan dikecam sebagai agama bagi golongan pelampau dan pengganas. Sama seperti di abad pertengahan, peranan Islam telah distereotype sebagai pengembara militari, dengan pemikiran yang campur aduk pada hari ini, lebih-lebih lagi sejak berakhirknya Perang Dingin dalam media Barat, ianya dikecam sebagai kuasa yang kejam menunggu untuk mengambil tempat peradaban Barat. Penilaian Barat tentang Islam terlampau keras dan diputarbelikan dengan mengambil yang ekstreem sebagai kebiasaan. Pembohongan seperti itu mengenai agama Islam yang tidak bertoleransi, dengan mudah mendapat perhatian tanpa kritikan. Misalnya, pengajaran Barat adakah menyebarluaskan pemikiran berat sebelah yang melulu mengenai Syariah, undang-undang Islam sebagai amat kejam

kebenaran ini yang mungkin jukan orang-orang Islam Britain wujud berkenaan dan materilisme kerosedaran dan saintifik dengan berkenaan teguh kepada kepercayaan mereka terhadap Tuhan Yang Maha Agung dan keluarganya yang shadi.

Tidak pernah dalam sejarah terdapat keperluan yang besar bagi pertalian berkenaan di antara Islam dan dunia Barat seperti hari ini. Dalam konteks inilah saya akan slukan pameran ini sebagai acara yang tepat untuk waktunya. Saya suka untuk menekankan kata-kata yang Putera Charles, Putera William dalam ucapan beliau ketika Pengajian Islam Oxford katanya:

... Saya yakin dengan sepenuh hati bahawa hubungan di antara kedua-dua dunia ini (Islam dan Barat) semakin penting lagi ini lebih daripada sebelumnya, kerana darjah kesadaran Islam dan dunia Barat juga membahayakan, sedangkan ketika ini amat perlu bagi kedua-duanya hidup dan bekerja bersama-sama dalam dunia kita yang semakin bebas."

Saya berharap imej baik yang diwujudkan dari pameran cara hidup orang Islam di Britain ini tidak akan menghilang dengan cepat. Izinkan saya untuk menyatakan misalnya langkah-langkah yang konkret diambil untuk menyentuh di batin orang-orang Islam tentang merebaknya materialisme dan budaya popular Barat sebagai musuh yang membahayakan cara hidup orang-orang Islam. Dari sudut pandangan Barat, seseorang mengemac keangkuhan pemikiran bahawa pengekspor-an bahan peralatan sedemikian ke dalam penghidupan harian dunia keislaman seperti televisyen, peralatan elektronik dan makanan segera dan sebagainya menjadi lambang kemodenan Islam dan yang meniru orang Barat. Keindahan Islam ialah ianya diberikan mekanisme untuk membezakan materialisme dengan kerohanian, kemajuan membawa tuli dengan nilai-nilai tradisional. Sama ada di London, New York atau Paris orang Islam yang sebenar berupaya mengelakkan kepercayaan dan gaya hidupnya berdasarkan kepercayaan yang tak kunjung padam terhadap Al-Quran, kalimah Allah dan Sunnah amalan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Pameran ini hanyalah satu lagi demonstrasi

Saya berpendapat adalah bersesuaian untuk mengakhiri ucapan saya ini dengan pernyataan yang penting dari Al-Quran, Surah 49 ayat 13: 'Dan Kami menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-supu supaya kamu saling kenal mengenal.'

Dengan kalimah Bismillahir Rahman Rahim saya dengan amat suka-sitanya mengisyiharkan pembukaan Pameran 'Muslims in Britain.'

Ke arah merealisasikan pejabat pos sebagai Pusat Perkhidmatan Urusniaga

Oleh Zubaidah HS

BERAKAS, 18 Januari. — Jabatan Perkhidmatan Pos di Kementerian Perhubungan telah melancarkan sebuah lagi perkhidmatan Kedai Pos atau 'Kedai 3P' atau 'Three P Shop' di kawasan Pusat Memproses Surat dan Bungkusan di sini hari ini.

Perkhidmatan tersebut telah dilancarkan dengan rasminya oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Mala Ali bin Maisi Haji Othman.

Perkhidmatan ini adalah merupakan salah satu projek berterusan Kementerian Perhubungan, melalui Jabatan Perkhidmatan Pos dalam usahanya untuk mempelbagaikan perkhidmatan dan memberikan kemudahan kepada orang ramai, khususnya dalam urusan harian mereka sebagai langkah awal ke arah merealisasikan pejabat pos sebagai Pusat Perkhidmatan Urusniaga.

Antara barang-barang yang dijual di Kedai 3P itu ialah kad dan sempul surat Selamat Hari Raya yang sedia bersertai yakni 'prepaid postage' dengan harga yang berpatutan dan mudah. Selain itu bahan-bahan lain yang diperlukan dalam urusan mel dan bungkusan seperti kotak-kotak dan kertas-kertas pembungkus, tali pengikat, cello-tape dan sebagainya juga dijual di kedai tersebut.

Dato Paduka ketika berucap melancarkan perkhidmatan tersebut menyatakan agar perkhidmatan-perkhidmatan itu akan dapat diperkenalkan dan dilaraskan ke kaunter-kaunter pejabat pos di seluruh negara di samping memperbaikkan lagi bahan-bahan jualan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan, iaitu sejalan dengan hasrat kita untuk menjadikan pejabat-pejabat pos di negara ini sebagai 'One Stop Business Service Centre', yang bukan hanya tertumpu kepada rangkaian dalam negeri tetapi juga rangkaian pos antarabangsa.

Dengan adanya perkhidmatan ini, jelas Dato Paduka, hasrat untuk menjalin perhubungan masyarakat negara ini kepada konsep 'global

penerokaan 'image' yang boleh dipercayai terhadap Dato Paduka.

Dalam pelancaran tersebut juga diselancarkan dengan rasmi penandatanganan Surat Pengakuan Tanggungjawab oleh ketua-ketua pos naga yang menguatkuasakan Pejabat Pos di setiap negara ini.

Bagi mencapai tujuan tersebut, Dato Paduka seterusnya menyeru Jabatan Perkhidmatan Pos agar melipatgandakan usaha untuk bergerak ke hadapan dengan memperkenalkan lebih banyak perkhidmatan baru pada masa-masa yang akan datang, seperti mengadakan perkhidmatan BruNet, E-Post dan lain-lain di kaunter-kaunter pejabat pos.

Penandatanganan ini merupakan awang Mohd Yunus, Penangku Ketua Pos Agung, menggambarkan kepada orang ramai terhadap komitmen yang tinggi pegawai-pejawat dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos dalam menaiki tanggungjawab yang diamankan, terutama sekali dari segi penerahan mel dan perkhidmatan kaunter.

Penandatanganan ini juga merupakan hasrat Jabatan Perkhidmatan Pos untuk merujuk satu budaya kerja berkumpulan 'team culture' untuk meningkatkan lagi perkhidmatan ke tahap yang cemerlang, memuaskan, mudah, tepat dan selamat iaitu sesuai dengan kehendak para pelanggan di samping memperluaskan peranan jabatan ini sebagai 'community service'.



Meninjau perkembangan Daerah Temburong

MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit telah mengadakan lawatan ke Daerah Temburong bagi meninjau secara dekat perkembangan pembangunan di daerah itu di samping berinteraksi menerusi dengan beberapa orang ketua kampung di daerah itu. — Gambar oleh Halim HS.



'Bonus' daripada Allah di bulan Ramadan maha luas

Oleh Dk. Saidah POA

KUALA BELAIT, 13 Januari. — Pakar Perundungan Islam, Kementerian Hal Ehwal U管家, Profesor Dato Dr. Awang Haji Mahmud Saedon berkata, kalau kita mahu kesempurnaan iman hendaklah kita kasihi kepada saudara kita dan tidak sempurna iman kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala melaikan kita kasih kepada saudara kita.

Profesor Dato Dr. Awang Haji Mahmud Saedon menyatakan demikian di Majlis Forum Perdana bertajuk 'Bagaimana Bulan Ramadan Boleh Mengukuhkan Ummah' yang telah diadakan di Perkarangan

nya peranan puasa terutama di bulan Ramadan ialah mempertingkatkan keimanan kita dengan sendirinya akanlah perasaan kasih kepada saudara kita.

Profesor Dato Dr. Awang Haji Mahmud Saedon menyatakan demikian di Majlis Forum Perdana bertajuk 'Bagaimana Bulan Ramadan Boleh Mengukuhkan Ummah' yang telah diadakan di Perkarangan

Masjid Muhammad Jamalul Alam di sini.

Ahli-ahli panel terdiri dari Profesor Dato Dr. Awang Haji Mahmud Saedon; Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abd. Rajid dan Pegawai Perubatan Rumah Sakit Seri Begawan Kuala Belait, Dr. Hajjah Budi Rusilawaty, ianya telah diperkenan oleh Imam Haji Marmin bin Haji Deris.

Beliau seterusnya berkata salih satu perkara yang diutamakan oleh musul-musul Islam dari zaman dulu hingga ke hari ini ialah apabila kita kasih kepada saudara-saudara Muslim kita dan kita menjadi sebahagian besar daripada ummah tersebut yang demikian puasa boleh menjadi sesuatu kekuatan kepada ummah dalam usaha mewujudkan perpaduan ummah sejagat.

Profesor Dato seterusnya ber-

kata antara nikmat besar yang terdapat di bulan Ramadan ialah Lailatulqadar dan diturunkan Al-Quran. Sehubungan dengan itu katanya langkah ruginya kalau kita tidak dapat Lailatulqadar dan dua perkara yang menjadi kelaziman Baginda Nabi Muhammad Shallallahu Alaihi Wa

selam untuk mendapatkan nikmat tersebut ialah tadarus Al-Quran dan sembahyang tarawih.

Profesor Dato menambah sedekah dan rahmat serta 'bonus' daripada Allah di bulan tersebut maha luas. Oleh itu beliau berharap Hari Raya dijadikan sebagai hari kemanangan dan kesyukuran dan bukan sebagai hari persayaan.

Sementara itu Pengarah Hal Ehwal Masjid pula berkata sembahyang sunat yang dilakukan di bulan Ramadan sama martabatnya dengan sembahyang fardhu di bulan-bulan lain, sementara sembahyang fardhu di bulan Ramadhan pula 70 kali ganda darjatannya jika dibandingkan dengan sembahyang fardhu di bulan-bulan lain.

Adapun adab jika berbuka di bulan puasa, kata beliau hendaklah dengan makar yang halal supaya puasa mendapat berkat dan membersihkan serta memantulkan hati. Katanya jika hati bersih akan timbul semangat dan kekuatan untuk beribadat kepada Allah.

Menurut Dr. Hajah Budi,

dari segi kesihatan pula puasa

mempunyai jangka masa yang tetap yang diperlukan ter-

utamanya untuk perut men-

jalankan fungsinya bagi

memproses dan menyerap

makanan. Jangka masa itu juga

katanya diperlukan untuk sis-

tem salur perghadaman mendapatkan masa rehat yang


cukup daripada melakukan kerja yang berterusan.

Di samping itu, tambahan jangka masa yang tetap itu juga diperlukan oleh tubuh badan mengilang bahan-bahan makanan dan membakar zat-zat makanan untuk menjadikan tenaga serta ianya diperlukan oleh tubuh badan untuk mengeluarkan segala zat-zat yang tidak dikehendaki.

Sehubungan dengan itu, katanya puasa dapat mengelakkan keraguan-raguan jenis penyakit terutama penyakit yang berkaitan dengan kelebihan makanan. Beliau menambah kalau kita boleh mengelakkan atau mencegah daripada sebarang penyakit sudah tentu kita akan mendapatkan badan yang sihat.

Forum kali keempat anjuran Jabatan Hal Ehwal Masjid bersama Masjid Muhib. Jamalul Alam itu bertujuan untuk memberi kefahaman yang luas kepada umat Islam di daerah ini khasnya dan di Negara Brunei Darussalam amnya tentang tanggungjawab dan kewajipan berpuasa, mengajar hukum-hukum sama ada hukum menunaikan puasa atau meninggalkan puasa.

Dengan adanya forum ini ia diharapkan dapat membuka minat umat Islam tentang apa-ka peranan mereka sebagai umat Islam tentang menyambut bulan Ramadhan yang mulia ini.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Mala Ali ketika melancarkan Kedai Pos, Jabatan Perkhidmatan Pos yang berlangsung di Bangunan Pusat Memproses Surat dan Bungkusan di Berakas. — Gambar oleh Amri Moksin.

PANDUAN MENUJU KE BAITULLAH

SUMBANGSIH DARI JABATAN URUSAN NAJIS KEMENTERIAN HAL EHWAL UDAMA

3. MAHKAT hadap manusia penderengan Islam adalah besar. Manusia disyakutkan oleh Allah untuk diri, nasehat dan nasihat berterima atas diri. Allah memperbaiki dalam Islamnya. "Senanggihnya Kami telah memperbaiki manusia dari setiap murti yang bersemayam, namun Kami semula mengingat dengan perintah dan larangan. Karena itu Kami judikas untuk mendekati dan melihat. Senanggihnya Kami telah memperbaiki jalan menuju surga, ada yang bersemayam di sini pada jangkungan kita." (Al-Quran, Surah Al-Iman 76: 2 - 3) Oleh itu kita hendaklah berusaha menghadapi ujian Allah.

4. Sesungguhnya ikhlas dalam mengerjakan ibadat itu merupakan syarat utama dan pengabdian yang terbaik, maka amanah ibadat semakin itu diterima. Ikhlas itu terwujudnya pada niat, tujuan dan maksud, bukan pada amalan lahiriah dan sepuhan senata-mata. Firman Allah tafsirannya : "Padahal hal mereka tidak disukai kecuali mereka memperduli Allah dengan ikhlas kepada-Nya dalam mengerjakan agama dengan lurus, dan sepuas mereka mendekati; sembahyang dan memusnahkan zahab, dan yang demikian itulah upaya yang lurus." (Al-Quran, Surah Al-Bayyinah ayat 3).

Bersyukurullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermakna : "Aku adalah orang yang paling takut di antara kamu kepada Allah. Demi Allah sesungguhnyaaku adalah berasa-berasa orang yang paling takut dan paling takut di antara kamu kepada Allah." (Riwayat Bukhari).

Allah berfirman : "Senanggihnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu." (Al-Quran, Surah Faathir 35 : 28).

4. Bertaubat adalah sifat mulia, minta ampun dan menyayangi diri kepada Allah adalah merupakan sifat utama yang dimiliki oleh orang-orang beriman yang bertawakwa dan yang salah.

Firman Allah yang tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman, bertaubatlah kamu kepada Allah dan taubat mananya jauhah yang bersungguh-sungguh!" (Al-Quran, Surah At-Tahriim ayat 8).

5. Zuhud bermakna meninggalkan segala yang haram dan menjauhi yang makruh yakni subahat. Ia juga bermakna meninggalkan atau membenci sesuatu yang menyenangkan yakni menyukakan hawa nafsu.

Firman Allah yang tafsirnya : "Dan tidaklah kehidupan ini melainkan sendi guru dan main-main. Dan sesungguhnya akhirat itulah yang sebenarnya kehidupan kalau mereka mengetahui." (Al-Quran, Surah Al-Ankabut, ayat 64).

6. Bahwasannya tawakal itu merupakan suatu makam dari makam orang-orang yang berkeyakinan tinggi dan juga merupakan darjah dan kedudukan yang tinggi bagi orang-orang muqarrabin yakni orang-orang yang mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wataala. Ia merupakan buah dari tauhid yang hak dan iman yang benar. Dan ianya tidak akan dimiliki melainkan orang-orang yang beriman dan berkeyakinan tinggi. Tawakal kepada Allah Subhanahu Wataala juga bermakna apa yang ada di tangan Allah itu lebih baik daripada apa yang ada di tangan sendiri. Ini berdasarkan hadis seperti berikut yang bermaksud : "Siapakah yang bersuka, bahawa dia menjadi manusia terkaya, maka hendaklah ia menyakini apa yang ada pada Allah, daripada apa yang ada di dalam tangannya." (Riwayat oleh Hakim dan Baihaqi dari Ibnu Abbas).

7. Kasih sayang sesama mukmin. Firman Allah yang bermaksud : "Sesungguhnya orang mukmin itu tidak lain melainkan bersaudara." (Al-Quran, Surah Al-Hujurat 49 : 10)

Hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud : "Tidak sempurna iman seseorang daripada kamu sehingga ia mengasih saudaranya sama seperti dirinya sendiri." (Riwayat Bukhari).

BERSAMBUNG

Sektor swasta memainkan peranan utama dalam pertumbuhan ekonomi negara

Oleh
Abdullah Asgar

BERAKAS, 17 Januari. — Setiausaha Tanah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Hajji Ahmad menyatakan bahawa kerjasama dalam memulihkan sektor swasta terhadap dasar kerjasama berusaha ke arah memperbaikan ekonomi dengan memperbaiki di antaranya sektor perindustrian supaya pendapatan negara dikurangkan dan diberikan kepada masyarakat.

"Di dalam hal ini sudah banyak ditunjukkan bahawa aktor swasta memainkan peranan utama sebagai enjin bukan saja kepada pertumbuhan perindustrian tetapi kepada kemajuan ekonomi negara pada keseluruhan," tekan beliau selanjutnya.

Penerangan ini dibuatnya di Majlis Penandatanganan dan Penyampaian Surat Perjanjian Penyewaan Tanah Perindustrian bertempat di Bilik Perundingan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama di sini.

Tambahnya lagi, kementerannya juga telah membuat satu kajian dengan mengenal pasti antara lain cadangan langkah-langkah pihak kerajaan di peringkat makro untuk memperbaiki lagi iklim perusahaan di negara ini.

Dalam kajian itu ujarnya, menekankan beberapa perkara penting mengenai peranan sektor swasta dan sektor-sektor industri yang sudah ada seperti pengeluaran makanan dan minuman, pembuatan pakaian dan perabot yang kedua-duanya dikaitkan dengan kemajuan rekabentuk tempatan.

"Keempat ialah penekanan kepada kemajuan sektor teknologi yang khas seperti memajukan syarikat-syarikat teknologi tinggi yang kecil melalui penubuhan 'Technology Park' antara lain sebagai persediaan lepasan institut teknologi dan sebilangan dari Universiti Brunei Darussalam



SETIAUSAHA Tanah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Hajji Ahmad menyampaikan surat perjanjian penyewaan tanah perindustrian. — Gambar oleh Johari Buntar.

yang berkelulusan mata pelajaran sains dalam kejuruteraan.

Menurutnya, hakikat ini perlu disedari bersama dalam mana pengusaha-pengusaha tempatan lebih-lebih lagi di kalangan golongan muda untuk tidak hanya memberikan perhatian kepada perusahaan biasa dan kecil-kecilan, tetapi secara progresif dan dengan pendekatan sejagat komitmen perlu dipertingkatkan untuk lebih memberikan makna kepada proses memperbaikan ekonomi negara.

Terdapat 10 kawasan perindustrian pada masa ini di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama yang berkeluasan kira-kira 650 hektar. Kawasan-kawasan itu Lambak Kanan Barat, Serasa, Salar, Batu Apoi, Serambang, Beribi, Sungai Liang, Pekan Belait, Lambak Kanan Timur dan Sungai Bera.

Seramai 45 pengusaha telah menerima surat perjanjian

penyewaan tanah perindustrian hari ini. Mereka terdiri dari pengusaha-tempatan yang akan mengendalikan berbagai perniagaan termasuk kilang pemasangan barang elektrik, percetakan sikal, pembungkusan, kilang perborat, kilang pakaian dan sebagainya.

Sementara itu dari 10 kawasan ini lapan 121 buah kawasan kat. Dari bilangan itu 45 syarikat telah pun membina bangunan di tapak-tapak yang diberikan dan menjalankan perniagaan yang diluluskan. Lapan lagi sedang giat mendirikan bangunan, 24 buah belum lagi memulakan pembinaan meskipun pelan bangunan sudah diberikan.

Sementara sembilan buah lagi masih menunggu pelan dan selebihnya belum lagi menghantar pelan masing-masing. Pada waktu yang sama permintaan untuk mendapatkan tanah adalah meningkat.

30 orang pegawai hadiri Bengkel SIMAK

Oleh
Haji Dayang Haji Kasim

BERAKAS, 16 Januari. — Jabatan Perkhidmatan Awam hari ini mengadakan Bengkel Sistem Maklumat Kakitangan (SIMAK) yang berlangsung di Bangunan Jabatan Perkhidmatan Awam di sini.

Seramai lebih dari tiga puluh orang pegawai dari beberapa buah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri menghadiri kursus selama setengah hari itu.

Bengkel itu adalah salah satu projek Jawatankuasa Teknologi Maklumat, Jabatan Perdana Menteri diorganisir daripada Pameran Teknologi Maklumat yang diadakan pada bulan Oktober tahun lalu yang bertujuan bagi menyebarkan sistem-sistem yang digunakan oleh jabatan-jabatan berkaitan kepada jabatan-jabatan lain di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Bengkel itu juga bertujuan untuk memperkenalkan Sistem Maklumat Kakitangan di Jabatan Perkhidmatan Awam.

Sistem SIMAK juga dihasilkan untuk memberikan kemudahan bagi memproses permohonan jawatan, maklumat pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam.

dan juga mencetak laporan atau maklumat yang ber-

Sistem SIMAK juga telah dipertingkatkan sistem 'hardware'nya yang ada daripada 'ICL ME Series 29' kepada 'ICL Me Series 39.'

Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Awam juga mempunyai rancangan untuk memberikan kemudahan sistem maklumat kakitangan ini kepada jabatan-jabatan kerajaan. Lima jabatan telah diambil pasti untuk diberikan kemudahan sistem tersebut bagi peringkat sebelum ianya dilaratnya ke seluruh perkhidmatan awam.

Hadir di bengkel berkenaan ialah Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Haji Zainal bin Haji Momin. Bengkel hari ini disampaikan oleh Dayangku Haji Asilah binti Pengiran Haji Chuchu, Penolong Pegawai Kakitangan di Jabatan Perkhidmatan Awam.

Penyampaian sijil

Oleh
Bolhassan HAB

GADONG, 18 Januari. — Majlis Penutupan Rasmi dan Penyampaian Sijil Seminar Pegawai Menjaga Balai anjuran Jabatan Pentadbiran dan Kewangan dan Jabatan Siasat dan Jenayah dan Lalulintas, Pasukan Polis Diraja Brunei telah berlangsung di Bilik Persidangan, Ibu Pejabat Polis di sini.

Penyampaian sijil kepada 17 orang pegawai menjaga balai disempurnakan oleh Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Awang Besar.

Seminar selama dua hari yang bertemakan 'Imej Balai dan Keanggotaannya Bergantung Kepada Prestasi dan Kualiti Pegawai Menjaga Balai' itu antara lain bertujuan untuk memahami isu-isu semasa mengenai balai-balai dan keanggotaan dalam Pasukan Polis Diraja Brunei.

Selain itu juga bertujuan agar para peserta akan lebih peka terhadap tanggungjawab untuk meningkatkan disiplin dan menjaga kebijakan, prestasi serta mengkalkan keberkesanan dan latihan para anggota.

Menurut salah seorang peserta, seminar berkenaan telah meningkatkan pengetahuan mereka dari segi perkajuan harian seperti pentadbiran, kepimpinan, pengurusan dan penyiasatan.

'Ia boleh mengemas kinikan tugas-tugas yang sedia ada dalam melengkapkan diri dengan isu-isu terkininya dan menyelaraskan tugas-tugas sebagai ketua balai,' jelas Pegawai Pengguna Balai Polis Sungai Liang, Inspektor Pengiran Abdul Salam bin Pengiran Abdul Ghani.

Di samping itu beliau juga melahirkan rasa bangga terhadap para penceramah yang terdiri dari pegawai-pegawai polis yang berkelelus dan mempunyai pengalaman dalam bidang tertentu.

Lima kertas kerja telah dibentangkan di seminar tersebut yang terdiri daripada tatatertib; kepimpinan dalam pengurusan; konsep bit dan patrol; prosedur penyiasatan dan pengendalian barang-barang kes dan trend jenayah mas kini.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digaadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain ketika melancarkan jurnal pengkajian dan penelitian sastera Asia Tenggara 'Pangsura' di sini malam tadi berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas. — Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

Anggota polis perlu mengikis perasaan 'lone ranger'

Oleh
Haji Ahmad HS

GADONG, 17 Januari. — Timbalan Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Yaakub mengingatkan kepada semua pegawai-pegawai dan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei perlu mempunyai perasaan tolonganlong, tidak camah mata, sentiasa bersedia serta mengikis perasaan kau-kau, aku-aku dan perasaan 'lone ranger'.

Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Yaakub berkata demikian di Majlis Pembukaan Rasmi Seminar Pegawai Menjaga Balai (O.C.S) Kali Pertama tahun ini yang berlangsung di Ibu Pejabat Polis di sini.

Timbalan Pesuruhjaya Polis seterusnya berkata tatatertib atau disiplin adalah perkara yang mustahak dimaklum dan dipraktikkan oleh semua anggota Pasukan Polis Diraja Brunei.

Menurut Dato Seri Laila Jasa, disiplin dalam kamus

Pasukan Polis Diraja Brunei adalah luas makna dan pengertiannya. Semua itu menuju ke matlamat lebih baik, kejayaan dan ketinggian prestasi kerja.

"Untuk mengekalkan dan meningkatkan imej Pasukan Polis Diraja Brunei, maka sesiapa yang berjaya untuk menjadi seorang pegawai polis sama ada di peringkat pegawai atau ahli biasa, yang mestinya diberikan ialah tunjuk ajar dan menanamkan di jiwa mereka semangat mendisiplinkan diri sendiri," jelas Timbalan Pesuruhjaya Polis.

Seminar dua hari ini dianjurkan oleh Jabatan Pentadbiran dan Kewangan dan Jabatan Siasatan Jenayah Lalulintas yang bertemakan 'Imej Balai dan Keanggotaannya Bergantung Kepada



TIMBALAN Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Yaakub ketika bercakap merasmikan Seminar Pegawai Menjaga Balai.

Prestasi dan Kualiti Pegawai Menjaga Balai'.

Seminar itu juga bertujuan untuk memahami isu-isu semasa mengenai balai-balai dan keanggotaan dalam Pasukan Polis Diraja Brunei dan lebih peka terhadap tanggungjawab untuk menjaga disiplin, kebijakan, prestasi, keberkesanan dan latihan para anggota.



SEBAHAGIAN daripada 17 orang pegawai menjaga balai yang menghadiri Seminar Pegawai Menjaga Balai yang berlangsung baru-baru ini. — Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.

JURNAL SASTERA 'PANGSURA' TERBITAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA DILANCARKAN

Oleh
Zubaidah HS

BERAKAS, 18 Januari. — Ke arah mendukung perkembangan kemajuan Melayu khususnya di Negara Brunei Darussalam dan dunia Melayu minya, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan sebuah lagi jurnal sastera yang diberi nama 'Pangsura'.

Majlis Pelancaran 'Pangsura' telah disempurnakan dengan rasminya oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digaadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain di satu majlis yang berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka di sini hari ini.

Pangsura adalah jurnal pengkajian dan penelitian sastera Asia Tenggara. Jurnal ini dijangka akan diterbitkan dua kali setahun. Sebelum ini Dewan Bahasa dan Pustaka juga telah menerbitkan sebuah jurnal bahasa yang dikhususkan untuk memuatkan rencana-rencana menge-nai bahasa.

Dalam keluaran sulung 'Pangsura' seramai empat belas orang pakar atau tokoh sastera telah menyumbangkan karya mereka. Pakar-pakar tersebut adalah terdiri dari anak-anak tempatan dan para ilmuwan sastera Melayu dari luar negeri.

Kumpulan Putera Seni menyertakan lagi Majlis Pelancaran 'Pangsura' dengan mempersembahkan sebuah drama pentas yang berjudul 'Balai'. Drama ini telah ditulis oleh Mohd. Zefri Ariff bin Mohd. Zain Ariff.

Eratkan ikatan silaturahim di antara penduduk setempat

Oleh
Bolhassan HAB

sebuah pertubuhan atau per-satu kebijakan.

"Semoga dengan adanya kesedaran biskita itu maka anak-anak mudi di kampung ini akan terhindar dari gejal-gejala negatif seperti penyalahgunaan dadah dan sebagainya," tegas beliau.

Pengerusi majlis, Awang Mohd. Hussin bin Haji Kasah dalam ucapan alu-aluan-nya berkata kesedaran hidup bermuafakat telah me-wujudkan keharmonian penduduk di kawasan berkenaan.

Profesor Dato Dr. Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman, Pakar Perundangan Islam di Kementerian Hal Ehwal Uga-ma dalam syarahan khas di majlis itu antara lain menyentuh mengenai perjalanan Israk dan Mikraj Baginda Rasulullah yang mana telah banyak mencabar mina manusia.

Bacaan tahlil dan doa arwah dipimpin oleh Imam Masjid Kampong Mentiri, Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar.

MENTIRI, 19 Januari. — Pemangku Timbalan Penganggar Kemajuan Perumahan, Dayang Hajah Sarinah binti Haji Umar menegaskan bahawa satu faktor yang menyebabkan kelemahan orang kita terutamanya orang Melayu ialah ketidaksefahaman.

Selain itu tegas beliau, orang kita juga tidak kukuh dalam berpersatu atau sebarang pertubuhan yang mana boleh menyebabkan perkauman atau bermusuhan.

Berucap di Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Sertai Tahlil Doa Arwah bagi penduduk-penduduk di Simpang 59 dan 59-23 Jalan D'Rancangan Perpindahan Mentir di sini, beliau seterusnya menambah, untuk mengatasi kelemahan itu kita harus sedar dan memberikan semangat terhadap disiplin, kebijakan, prestasi, keberkesanan dan latihan para anggota.

Beliau juga berharap agar para penduduk di kawasan itu akan mengekalkan dan meneruskan usaha-usaha seumpama itu di masa akan datang.

Di samping itu beliau juga menyeru para penduduk di kawasan berkenaan supaya akan dapat mewujudkan

Bersamaan, bersamaanlah,
Wakasihnya Wakasihnya Al
Rahimahullah. Wa ana Andilah
Wakasihnya Alia Waleah.

Berdasarkan Hadis
Ibn Hajar

PUASA RAMADAN

BUKU PANDUAN KEISTIMEWAAN (Babgian III)

EDWARATTAH Terima kasih atas puasa yang baik ini. Semoga seluruh puasa dapat mengalir tanpa hambatan dan berlangsung dengan selesa dan puasa yang sehat. Adapun untuk puasa yang tidak selesa dan puasa yang tidak sehat, maka tidak semestinya ada puasa lagi setelah puasa itu seperti yang diceritakan oleh Ayah Radiallahu Anha Nabi Sallallahu Alaihi Wasallahu berada yang bermakna. Berlangsungnya puasa tidak berarti puasa selesa terlebih dahulu sebab maka tidak ada puasa kepuasan. (Diriwayatkan oleh Bachri dan Daraqutni).

Adapun sejauh kurang laju atau puasa Ramadhan itu yang bererti "Salah satu puasa Ramadhan."

Dua niat yang lengkap laish yang bererti "Salah satu puasa satu hari menurutku salah Ramadhan pada tahun ini kerana Allah Tuan."

Dalam sifatnya yang lengkap laish yang bererti "Salah satu puasa satu hari menurutku salah Ramadhan pada tahun ini kerana Allah Tuan."

Berniat pada tiap-tiap hari, adalah digalakkan berniat pada awal bulan Ramadhan dengan niat satu buah bagi tujuan berhati-hati jika sesekarang itu lupa berniat pada tiap-tiap malam, bertakluk kepada Mazhab Maliki.

Lafaz niatnya yang bererti laish : "Salah satu puasa bulan Ramadhan sebenarnya pada tahun ini kerana Allah Tuan."

Berniat pada tiap-tiap malam ini adalah khusus kepada puasa wajib sahaja iaitu puasa bulan Ramadhan, nazar, kafarah, qada dan fidyah haji. Masa berniat itu

sejauh mungkin memulakan berlangsungnya selesa dan puasa.

Maka kala bagi puasa puasa niat manu bersihkan diri sejauh mungkin memulakan berlangsungnya selesa dan puasa pada hari berikutnya sebagai dia berjaya melaksanakan perkara-perkara yang membantahkan puasa dari berikut (seperti makan pada hari berikutnya) sehingga di dalam hadis yang diceritakan oleh Nabi Radiallahu Anha yang bermakna "Berdua Radiallahu Asy'ka pada satu hari. Wahai Aisyah, makan di hari ini kamu senang (jentik dimakan)?" Ahoku aka (Aisyah) berkata Wahai Radiallahu Anha dia di sini kita senang puas (jentik dimakan)." Berbantu (Radiallahu Anha) "Maka (kamu beginilah) seengahnya atau seoring yang berpuasa." (Diriwayatkan oleh Muslim).

(iii) Menahan diri dari perkara-perkara yang membantahkan puasa.

Adapun perkara-perkara yang membantahkan puasa itu ialah :

(i) Datang haid atau nifas

Adapun perempuan yang sedang berpuasa, jika datang darah haid atau nifas, maka batalah puasa dan wajiblah ia mengupayanya, sebagaimana yang diceritakan oleh Aisyah Radiallahu Anha sesungguhnya dia (Aisyah) berkata mengenai haid yang bermaksud : "Sesungguhnya kamu diperintahkan untuk menghindari puasa dan tidak diperintahkan untuk menghalangi sembahyang." (Diriwayatkan oleh Muslim).

(ii) Minum atau makan dengan sengaja.

Haram bagi orang yang

berpuasa minum atau makan di tengah hari bukan sahaja dia dilakukan dengan sengaja.

Ayatika mencatat yang berpuasa dia makan dengan sengaja maka batal puasa ia. Adapun makan dengan sengaja, maka batal puasa ia tetapi bukannya akibat dengan sengaja atau selesa dan puasa. Jika air mani itu keluar dengan sebab yang bukan sengaja maka batal puasa.

(iii) Mengeluarkan air mani dengan sengaja.

Mengeluarkan air mani berikutan dengan sengaja atau selesa dan puasa. Adapun makan dengan sengaja atau bukannya akibat dengan sengaja atau selesa dan puasa. Jika air mani itu keluar dengan sebab yang bukan sengaja maka batal puasa.

INTRODUKSI

Bismillahir Rahmanir Rahim

RUANGAN ini dinamakan IRSYAD HUKUM. IRSYAD HUKUM dimanfaikan sebagai penerangan hukum-hukum dan kehendak kehendak agama Islam mengenai sesatu perkara yang menganggu hidup dan kehadiran umat Islam di negara ini khasnya. Maka iaialah untuk melahirkan kebahaman dan kesedaran serta kemahiran dalam diri umat Islam pada menghayati hukum-hukum dan kehendak kehendak Islam sejaka agama yang memordor kepada pembangunan rohani dan kemajuan yang sebenar-benarnya.

Jangit kemudian ia muntah dengan sebab perbuatannya itu.

Jika muntahnya itu dengan tidak sengaja seperti muntah yang keluar dengan tiba-tiba yang disebabkan oleh rasa badannya yang tidak sihat, maka muntah yang sedemikian itu tidak membantahkan puasa. Ini adalah berdasarkan hadis yang diceritakan oleh Abu Hurairah Radiallahu Anha dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Barangsiapa yang tidak berkuasa menahan muntahnya, maka tidak wajib atasnya qada (tidak batal puasanya) dan barangsiapa yang muntah dengan sengaja, maka wajib ia mengquadah (batal puasanya)." (Diriwayatkan oleh Bukhari, Muslim, Tirmizi, Abu Daud dan Ibnu Majah).

(v) Menjadi gila atau hilang akal sepanjang hari

Orang yang sedang berpuasa apabila tiba-tiba ia menjadi gila, maka puasanya adalah batal, sekalipungilanya itu dalam tempuh yang pendek dan tidak wajib baginya.

Begitu juga halnya kepada orang yang hilang akal sepanjang hari kepada kerana pitam, pengsan atau

dengan sebab tidak sengaja atau dengan sebab melihat sesuatu yang memberangsangkan, berkhalay yang pada adatnya air mani tidak keluar, maka tidaklah batal puasa seorang itu, tetapi jika pada adatnya air mani yang keluar dengan sebab yang tersebut, maka batal puasanya kerana ia mengeluarkan air maninya dengan sengaja melihatnya.

(vi) Menjadi gila atau hilang akal sepanjang hari

Jika perkara-perkara yang membantahkan puasa itu (makan, minum, mengeluarkan air mani, menyampaikan sesuatu ke rongga batin, berniat berbuka puasa, murtad dan bersetubuh) dilakukan kerana terlupa, dipaksa atau jahil akan hukumnya (seperti orang yang baru masuk agama Islam), maka tidaklah batal

puasa sepanjang panjang hari yakni daripada terbit fajar hingga masuk matahari, maka puasanya adalah batal dan diwajibkan baginya mengada puasa tersebut, tetapi jika ia ada sedar dalam tempoh tersebut walaupun seasaat maka puasanya adalah sah.

(vii) Menjadi murtad.

Apabila orang yang sedang berpuasa itu menjadi murtad (keluar dari agama Islam), walaupun sekejap, maka batal puasanya dan wajib baginya mengadanya apabila ia kembali semula kepada Islam.

(viii) Bersetubuh.

Apabila orang yang sedang berpuasa itu bersetubuh pada siang hari dengan sejaga dengan memasukkan ulama mengikaskannya perkara yang membantahkan puasa jika dilakukan di Manakala bagi orang yang jahil akan hararnya melakukan perkara-perkara yang membantahkan puasa yang baru memeluk agama Islam) samalah juga keadaannya seperti orang yang lupa.

Begitu juga halnya kepada orang yang dipaksa kepada yang disabukan oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud : "Diangkat yang tersalah, terlupa dan kerana terpaksa." (Diriwayatkan oleh Ibnu Majah, Ibnu Hibban, Daraqutni, Tabarani dan Hakim).

BERSAMBUNG

orang yang menahan diri dari menuruti syahwat ke-duniawanya.

- DOKUMEN-DOKUMEN TAWARAN YANG SAMAHLAH DIPERSOAL DARI PADAPADA BAGIAN AKASIA, BAGIAN PEMBELIAN DAN PERBEDAKAN, PEJABAT KEMENTERIAN KESIHATAN, LAPANGAN TERBANG LAMA, JALAN BERAKAS, BANDAR SERI BEGAWAN SEMASA WAKTU-WAKTU SEKERJA.
1. Tawaran-tawaran hendaklah ditarikh dan tarikh dan tempat yang menunjukkan bilangan jatuhtarikh dan alamat yang berkembaran dengan tertutup dengan tulisan bilangan, dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong.
 2. Tawaran-tawaran hendaklah ditarikh dan tarikh dan tempat yang menunjukkan bilangan jatuhtarikh dan alamat yang berkembaran dengan tertutup dengan tulisan bilangan, dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong.
 3. Tawaran yang mempunyai rujukan bilangan KK/TE.3/96 dan KK/TE.4/96 hendaklah dibantah tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Selasa 27 Februari, 1996 dan dialternakan kepada Pengerusi Lembaga Tarawan Kecil, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kesanhatian, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.
 4. Tawaran yang mempunyai rujukan bilangan KK/2/96 dan KK/3/96 hendaklah dilantik tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Selasa 27 Februari, 1996 dan dialternakan kepada Pengerusi Lembaga Tarawan Biasa, Tingkat 1, Bangunan Kemeterian Kesanhatian, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.
 5. Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
 6. Cagaraw bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti yang dinayatkan dan dikenal pasti pemborong dengan wang tunai sahaja. Pembayaran cagaraw hanya boleh dibuat pada hari dasa waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 3.30 petang.

RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran : RTB/KJ/RTX/96

Keterangan : THE SUPPLY AND DELIVERY OF TEST EQUIPMENT FOR RADIO TRANSMITTER

1. TAWARAN-TAWARAN NADALAH DIPELAWA DARIPADA PEMBEKL-PEMBEKL, EJEN-EP DAN PENGEDAR-PENGEDAR PERALATAN UJIAN ELEKTRIK BAGI TARAF
2. Tawaran-tawaran hendaklah dibantah dan menggunakan sumpul surat biasa yang tertutup tanpa menunjukkan identiti pembekal di sumpul surat tersebut kepada:

 - Pengerusi, Lembaga Tarawan Kecil, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan 1100, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari hari Selasa 13 Februari, 1996.

3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi dengan membuat permohonan kepada Pengarah Radio Televisyen Brunei UP; Juruterma Pengguna, Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan 2042, Negara Brunei Darussalam semasa waktu-waktu bekerja biasa.
5. Cagaraw tawaran adalah dikenal pasti pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang tulen.

JABATAN PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN ELEKTRIK

Bilangan Tawaran : JPE/LTK/BPB/15/1995

Tajuk Kerja : PURAS LATIHAN BELLIA – KITCHEN EQUIPMENT INSTALLATION.

Tarikh Tutup : 13 Februari, 1996 hari Selasa jam 2.00 petang.
Cagaraw : \$100.00

Bayaran Dokumen dan Lukisan : \$43.00 (tidak dikembalikan).
Tempat Tutup Kotak Tawaran, Lembaga Tarawan Kecil, Tingkat 1, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan : Kelas II, III, & IV Kategori 7ab (mempunyai pekerja yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik) atau Pemborong Elektrik Kelas 'A', 'B' atau 'C'.

Bilangan Tawaran : JPE/LTK/BP/008/1996

Tajuk Kerja : SUPPLY AND DELIVERY OF SPARE PARTS FOR COMPOUND LIGHTING AT RBAB CAMPS NEGERA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh Tutup : 27 Februari, 1996 hari Selasa jam 2.00 petang.
Cagaraw : \$100.00

Harga Dokumen : \$50.00 (tidak dikembalikan).
Tempat Tutup : Kotak Lembaga Tarawan Kecil, Tingkat 1, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan : Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Kategori 6F dan 6G.

Peringatan : Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lajuji bolehlah diperolehi daripada Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

GERAI RAMADAN ... GERAI RAMADAN ... GERAI RAMADAN ... GERAI RAMADAN ...



-10 hari
melaku-
ulan re-
dapatan
faatkan-
h untuk


ia Padu-
i Negara
kerajaan
ng kepa-
ja telah
berapa
n Brunei
long dan
Bolkiah,

tiap hari
u sangat
menam-
n dan di
mereka
persedia-

ika 8 dan
erai-gerai



leh Haji Masmaleh
. Saidah POA



Pembeli hanya mampu membeli barang jika harga berpatutan

Oleh
Haji Ahat HI

dan masalah 'after-sales service' yang tidak wujud jika membeli di luar negeri," katanya.

Berucap demikian semasa melancarkan Jualan Besar-besaran Di Brunei yang bermula dari 20 Januari hingga 20 Mac di Pusat Komersil dan Perdagangan Bumiputera di ibu negara, Dato Paduka mengesyorkan pihak peniaga supaya mengiklankan melalui media massa radio, televisyen dan suratkhabar tentang kewujudan barang mereka dari masa ke semasa supaya pembeli mengetahuinya.

Dalam ucapan pelancaran itu Dato Paduka juga menerangkan kepada peniaga-peniaga tentang tempatan berusaha secara berkumpulan membeli barang terus daripada pembuat-pembuat luar negeri atau 'regional distributors' yang berkaitan dan dengan berbuat demikian, harga be-

lian dan jualan barang akan kompetitif dan menguntungkan kedua-dua pihak penjual dan pembeli.

Menyentuh mengenai penurunan cukai bagi beberapa item, Dato Paduka menyatakan antara sebab-sebab utama menurunkan cukai masuk barang yang berkecuali itu ialah untuk membolehkan para peniaga tempatan tidak menggalakkan pembelian di luar negeri dan menurunkan 'cost of living'.

Selaras dengan perkembangan sektor perniagaan pula, Dato Paduka menjelaskan, mulai 1 Januari lalu Jabatan Perbekalan dan Stor Negara, Kementerian Kewangan akan hanya menumpukan perbekalan barang-barang strategik seperti beras, gula dan susu.

Ini bererti tambah Dato Paduka, semua jabatan dan kementerian Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia membeli barang-barang keperluan mereka terus daripada penjual-penjual dalam negeri iaitu tidak



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Haji Yaakub bin Abu Bakar semasa melancarkan Jualan Besar-besaran Di Brunei yang bermula dari 20 Januari hingga 20 Mac 1996. — Gambar oleh Abdullah HAD.

payah lagi mendapatkan barang melalui Jabatan Perbekalan dan Stor Negara.

"Saya harap para peniaga tempatan dapat bersaing mengembalikan kehadiran barang semua jabatan kerajaan dan kementerian sekaligus, kerana kerja-kerja Jabatan Perbekalan dan Stor

Negara telah berkurangan dan bagi menjimatkan tenaga kos pentadbiran, jabatan berkenaan telah dicantumkan dengan Bahagian Teknologi Maklumat Kementerian Kewangan mulai 15 Januari tahun ini dan bergelar Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara," jelas Dato Paduka.

Projek jualan besar-besaran bersempena sambutan Hari Raya Puasa, Hari Kebangsaan dan Tahun Baru Cina ini adalah inisiatif dari Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan dan disertai oleh sejumlah 171 buah kedai dan gedung-gedung perniagaan dengan tema 'Membali Tah Biskita Di Brunei'.

Hasil, kesan pembangunan dapat dirasakan oleh segenap lapisan masyarakat

TEMBURONG, 14 Januari. — Sebagai rakyat dan penduduk berasa bersyukur kerana telah dapat melihat dan menikmati pembangunan dan kemajuan negara yang sangat membanggakan dan menggalakkan di pelbagai bidang sejak negara mencapai kemerdekaan 11 tahun yang lalu.

Hasil-hasil dan kesan pembangunan itu dapat dirasakan oleh segenap lapisan masyarakat yang mana bukan semata-mata tertumpu di kawasan-kawasan bandar tetapi juga kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman di ke seluruh empat daerah.

Perkara itu telah dijelaskan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah di Majlis Dialog dengan para penduduk Daerah Temburong semasa menyertai rombongan lawatan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ke Daerah Temburong yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan di sini.

Sebagai contoh, Daerah Temburong yang dianggap sebagai daerah yang terpencil di Negara Brunei Darussalam sebenarnya tidaklah seperitima yang digambarkan kerana Daerah Temburong adalah satu-satunya daerah yang mendapat perhatian oleh masyarakat dunia dan banyak liputan-liputan akhbar di media-media asing luar negara mengenai Daerah Temburong khususnya mengenai Pusat Penyelidikan Sains Hutan Hujan Tropika Kuala Belalong. Yang jelas kepada kita hasil daripada usaha-usaha pembangunan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, di mana Negara Brunei Darussalam khususnya Daerah Temburong telah menyumbang kepada dunia di bidang pendidikan dan penyelidikan sains. Sudah barang setentunya pencapaian ini menjadi satu kebanggaan kepada para penduduk

Oleh
Aliddin HM

dan komitmennya sebagai anggota masyarakat dan pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa.

Awang Haji Hazair seterusnya berkata, kepentaksian dan kemajuan yang kita capai selepas kemerdekaan ianya hendaklah tidak dilihat secara berasingan ataupun dengan kefahaman bahawa kerancakan dan kepesatan pembangunan yang kita nikmati di era kemerdekaan bermula setelah negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1984. Akan tetapi adalah lebih merupakan sebagai penerusan daripada usaha-usaha dan perancangan-perancangan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di tahun-tahun sebelumnya. Ini dapat dilihat daripada sudah terdapatnya beberapa rancangan-rancangan kemajuan negara sebelum Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan dan dewasa ini kita menikmati Rancangan Kemajuan Negara Yang Ke-6.

Awang Haji Hazair menyatakan bidang pembangunan dan kemajuan yang kita capai dan nikmati dapat diilah seperti berikut:

Infrastruktur di mana kita sendiri dapat melihat pembangunan infrastruktur bandar, luar bandar dan pedalaman (termasuk pemberian keperluan-keperluan asas) yang minimal.

Yang jelas kata beliau, hingga ke hari ini, negara kita dapat memantapkan terus kemerdekaannya dan dapat berfungsi dengan sepenuh dan sebaiknya, pada menuju tanggungjawab untuk menangani ataupun memenuhi keperluan politik, ekonomi, sosial dan pembangunan dalam negeri dan juga pada memenuhi peranan

peguam, jurutera, akauntan dan lain-lain.

Awang Haji Hazair menjelaskan, bagi tujuan menghasilkan tenaga-tenaga mahir dan berkelulusan di dalam negeri kita mempunyai Universiti Brunei Darussalam, Institut Perkhidmatan Awam, maktab dan institusi vokasional, Institusi Pengajian Tinggi Islam dan Institut Tahfiz Al-Quran.

Kerajaan tambah beliau, telah berjaya dengan rancangan menganaktempatan (localisation) di Syarikat Minyak Brunei Shell dan Syarikat Gas Asli Cecair Brunei sudah mencapai lebih 60 peratus anak-anak tempatan mengisikan jawatan-jawatan penting dalam syarikat-syarikat berkenaan.

Dalam bidang ekonomi, perindustrian dan perdagangan kata beliau, kita nikmati perkembangan dan pertumbuhan ekonomi yang meyakinkan dalam mana pertanggungan ekonomi kita kepada hasil minyak dan gas telah turun daripada 90 peratus kepada lebih kurang 30 peratus. 61 peratus sumber ekonomi negara dewasa ini datangnya daripada sektor awam dan swasta.

"Dengan gambaran yang diberikan, tohmann-tohmann yang mengatakan negara kita menghadapi pertumbuhan ekonomi sifar adalah tidak tepat dan benar," kata Awang Haji Hazair.

Beliau menambah, rancangan mempelbagaikan ekonomi oleh kerajaan yang disokong dengan bantuan-bantuan infrastruktur ekonomi kerajaan/telah dapat menghasilkan industri-industri dan perusahaan-perusahaan ringan dan kecil seperti perusahaan minuman ringan, pembuatan pakaian, pembungkusan makanan, pembuatan atap, perikanan, penternakan dan pertanian

serta perkhidmatan-perkhidmatan.

"Yang paling membanggakan ialah ramainya anak tempatan kita mencebur sektor swasta di bidang pembinaan, hartanah, perniagaan perbankan dan pakar perunding seperti di bidang juruterma, seni bina, bahan ukur dan guaman," ujar beliau.

Beliau menjelaskan, adalah menjadi dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk memastikan terdapatnya keseimbangan di antara pembangunan fizikal dan spiritual. Bagi tujuan ini kerajaan telah memberikan perhatian ke atas perkembangan rohani di kalangan rakyat dan penduduk dan pembinaan masjid-masjid yang indah dan menarik bergerak ke Daerah Temburong.

Bagi tujuan itu Awang Haji Hazair mengesahkan kepada penduduk setempat untuk merenungkan isi kandungan titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berangkat ke Daerah Temburong pada tahun 1991 dan 1992 yang mana baginda beritah, "Daerah ini mempunyai potensi masa depannya yang baik untuk berkembang dan maju. Ia memiliki ciri-ciri semula jadi yang tidak ada pada daerah-daerah lain," titah baginda.

Umpamanya titah baginda, tanah Temburong diakui subur, maka mana-mana yang memiliki tanah, bukanlah elok juga ditanam dengan tanam-tanaman, sekurang-kurangnya pohon-pohon sayur atau buah yang mendatangkan hasil yang segera. Ini bersesuaian pula dengan dasar kerajaan beta yang sedang menggalakkan peningkatan pengeluaran dalam bidang pertanian.

Daerah ini juga titah baginda, banyak perkara-perkara yang unik dan istimewa, umpamanya tanahnya lebih subur, terdapat batu-batu karang yang berharga dan sungainya juga mempunyai udang-udang galah yang berkualiti tersendiri serta binaan-binaan tanahnya lebih tang-binatang hutan yang halal dimakan. Semuanya ini menunjukkan kurnia dan kelebihan Allah bagi Daerah Temburong.

ada terdapat lebih kurang 18 buah perwakilan asing yang menetap," jelas beliau.

Awang Haji Hazair juga menyarankan kepada penduduk Daerah Temburong untuk sama-sama menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dengan mengusahakan dan memfaatkan sumber-sumber asli dan semula jadi termasuk potensi pelancongan yang terdapat di Daerah Temburong.

Bagi tujuan itu Awang Haji Hazair mengesahkan kepada penduduk setempat untuk merenungkan isi kandungan titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berangkat ke Daerah Temburong pada tahun 1991 dan 1992 yang mana baginda beritah, "Daerah ini mempunyai potensi masa depannya yang baik untuk berkembang dan maju. Ia memiliki ciri-ciri semula jadi yang tidak ada pada daerah-daerah lain," titah baginda.

Umpamanya titah baginda, tanah Temburong diakui subur, maka mana-mana yang memiliki tanah, bukanlah elok juga ditanam dengan tanam-tanaman, sekurang-kurangnya pohon-pohon sayur atau buah yang mendatangkan hasil yang segera. Ini bersesuaian pula dengan dasar kerajaan beta yang sedang menggalakkan peningkatan pengeluaran dalam bidang pertanian.

Daerah ini juga titah baginda, banyak perkara-perkara yang unik dan istimewa, umpamanya tanahnya lebih subur, terdapat batu-batu karang yang berharga dan sungainya juga mempunyai udang-udang galah yang berkualiti tersendiri serta binaan-binaan tanahnya lebih tang-binatang hutan yang halal dimakan. Semuanya ini menunjukkan kurnia dan kelebihan Allah bagi Daerah Temburong.

BERITA DAERAH ... BERITA DAERAH ... BERITA DAERAH ... BERITA DAERAH ...

Perkhidmatan Mesin ATM-Moneylink

TEMBURONG, 17 Januari. — Bank Standard Chartered Cawangan Temburong telah mengemaskinikan lagi perkhidmatannya dengan memberikan perkhidmatan mesin ATM-Moneylink kepada para pelanggannya di Daerah Temburong di sini.

Sehubungan dengan itu satu Majlis Pelancaran Mesin ATM-Moneylink Bank Standard Chartered Cawangan Temburong telah dilancarkan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad yang berlangsung di kawasan bank berkenaan di sini.

Sebelum itu ucapan alu-aluan daripada Pengurus Eksekutif Bank Standard Chartered, Awang Bill Bruce yang antara lain menjelaskan, Bank Standard Chartered Cawangan Temburong mula dibuka pada 9 September, 1987 dan merupakan cawangan ke-11 di Negara Brunei Darussalam dengan 80 orang pelanggan telah membuak akuan di hari pertama bank itu memulakan perniagaannya.

Beliau menambah pihaknya akan sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggannya di daerah itu.

Menurut Pengurus Bank Standard Chartered Cawangan Temburong, Awang Haji Metussin bin Haji Bali, pada mulanya bank tersebut mempunyai tiga orang pegawai yang mengendalikannya dan pada bulan Januari, 1994, bank berkenaan telah menggunakan komputer yang dihubungkan terus dengan cawangan-cawangan di Negara Brunei Darussalam.

Mesin ATM-Moneylink Bank Standard Chartered Cawangan Temburong ini kata beliau, telah siap awal pertengahan bulan Disember yang lalu dan mula digunakan oleh orang ramai pada 12 Disember, 1995.



PEGAWAI Daerah Temburong, Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad semasa melancarkan perkhidmatan Mesin ATM-Moneylink bagi Daerah Temburong baru-baru ini. — Gambar oleh Abdul

Melaksanakan urusniaga berlandaskan Islam

TEMBURONG, 17 Januari. — Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad menyatakan supaya bank-bank yang beroperasi di negara ini yang bukan secara Islam atau dapat meningkatkan atau membentuk cara-cara Islam seperti yang dilaksanakan oleh Bank Islam Brunei (BIB).

Beliau percaya esebungan itu boleh dilaksanakan oleh bank-bank berkenaan di negara ini demi untuk mendekati rakyat Eropah Bharu dan Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah konsep Adabaya Islam Bergairah yang berlindungkan suara-suara dan maklumat agama Islam.

"Ini juga terbukti bahawa Bank Islam Brunei (BIB) telah memusatkan kebijakan dalam perkhidmatan perkhidmatan urusniaga yang dijalankan di Negara Brunei Darussalam tanpa mengira kesimpangan-kepentingan perjalanan urusniaga sepuasnya juga bank-bank yang bukan Islam," jelas beliau ketika bersampai merasmikan Majlis Pelancaran Mesin ATM-Moneylink Bank Standard Chartered Cawangan Daerah Temburong yang berlangsung di kawasan bank berkenaan di sini.

Dalam hal ini beliau percaya bahawa suatu hanya memerlukan perubahan perilaku dan teknikal yang boleh disesuaikan dengan konsep urusniaga-orumsiaga yang berlandaskan keistimewaan.

Beliau juga percaya bahawa perkara itu adalah wajar mendapat perhatian dan perimbangan oleh bank-bank yang bukan Islam kerana bank-bank ini beroperasi di sebuah negara yang mempunyai pegagasan agama Islam yang dianuti oleh sejutaan orang besar rakyat dan penduduk di negara ini.

Ini juga adalah bersemasaan dengan kemajuan sains dan teknologi yang pernah dengan cakap dan persaingan di segarap bidang teknologi di bidang ekonomi seperti pecinan yang dimainkan oleh bank, kata beliau.

Laporan oleh
Aliiddin HM
dar
Temburong

Salurkan pembayaran pencen melalui bank

TEMBURONG, 17 Januari. — Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad menyarankan supaya pembayaran pencen-pencen tua, pencen-pencen bersara dan bantuan Jabatan Kebajikan dapat diuruskan melalui bank seperti mana yang dilakukan bagi penerimaan gaji para pegawai dan kakitangan kerajaan.

"Dengan adanya pembayaran pencen-pencen berkenaan melalui bank, saya penuh percaya masalah-masalah dan sungut-sungutan disebabkan oleh kelambatan pembayaran oleh pihak-pihak yang berkenaan akan dapat diatasi. Di samping ianya dapat memberikan perkhidmatan yang cepat ianya juga akan memberikan jaminan keselamatan bagi

bilangan besar para penghulu dan ketua kampung yang diamanahkan untuk membahagi-bahagian bayaran-bayaran pencen tua kepada anak buah mereka," jelas Pegawai Daerah Temburong ketika merasmikan Majlis Pelancaran Mesin ATM-Moneylink Bank Standard Chartered Cawangan Temburong yang berlangsung di kawasan bank berkenaan di sini.

Seumus ini tambah beliau, boleh dilaksanakan dengan adanya sistem komputer yang canggih pada masa ini.

Beliau juga berharap supaya Bank Standard Chartered di Daerah Temburong khasnya dan di seluruh

Negara Brunei Darussalam pada umumnya supaya akan dapat memberikan kemudahan-kemudahan yang lainnya kepada orang ramai seperti memberikan perkhidmatan bagi pembayaran bil-bil elektrik, air, telefon seperti juga perkhidmatan bagi pembayaran bil-bil telefon bimbit (mobile phone) yang telah diperkenalkan pada masa ini.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim semasa memperkenalkan Mesyuarat Penghulu-penghulu, Ketua-ketua Kampung dan Ketua-ketua Rumah Panjang Kali Pertama yang diadakan di Dewan Pejabat Daerah Belait pada 11 Januari, yang lalu.



Rancangan, projek kerajaan perlu k'sama semua jabatan

KUALA BELAIT, 16 Januari. — Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Dani berkata bagi melaksanakan setiap tugas dan tanggungjawab bagi rancangan-rancangan dan projek kerajaan di daerah ini memerlukan kerjasama antara semua jabatan yang terlibat.

"Kerjasama ini perlulah kita berikan bagi sama-sama mendukung matlamat kerajaan iaitu untuk memberi kesejahteraan semua pihak terutama kepada rakyat dan penduduk daerah ini," ujar beliau ketika mempengerusikan Majlis Permuzaikan Kerajaan Bagi Ketua-ketua Cawangan Jabatan-jabatan Kerajaan daerah ini yang diadakan di Dewan Raya Pejabat Daerah di sini.

Awang Haji Dani seterusnya berkata kerjasama yang

badan atau persatuan bagi pegawai-pegawai kerajaan.

Pegawai Daerah Belait berharap dengan adanya aktiviti-aktiviti yang akan diadakan itu mereka akan dapat bertukar-tukar fikiran dan maklumat bagi perhatian dan tindakan mereka bersama.

Lebih 30 ketua-ketua jabatan kerajaan menghadiri majlis tersebut yang antara lain bertujuan untuk berkenalan di antara satu sama lain sambil bertukar-tukar maklumat dan penerangan serta menerangkan apa jua masalah pentadbiran dan pengurusan yang dihadapi oleh pejabat masing-masing yang memerlukan penyelarasannya di antara pejabat di daerah ini.

Mengundi lot-lot rumah

Oleh
Hj. Ahmad HS

BERAKAS, 20 Januari. — Seramai 54 orang pegawai dan kakitangan kerajaan Bahagian III yang berjaya dalam Rancangan Perumahan Negara bagi pegawai dan kakitangan kerajaan dalam Bahagian III, IV, V bagi tahun 1985 hari ini mengundi bagi lot mereka masing-masing yang berlangsung di Dewan Muhibah di sini.

Hadir bagi menyaksikan pengundian itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Othman bin Haji Yaakub.

Setiap pegawai atau kakitangan yang berjaya akan menerima tanah seluas 0.25 hektar. Sejumlah 83 lot tanah dengan keluasan 25 hektar telah disediakan oleh pihak kerajaan di kawasan Rimba Gadong bagi tujuan tersebut.

Menurut salah seorang pegawai Jabatan Kemajuan Perumahan, setiap pegawai dan kakitangan yang berjaya berhak menyediakan pelan mengikut citarasa mereka masing-masing ataupun mengikut pelan yang disediakan oleh pihak Jabatan Kemajuan Perumahan yang diberikan secara percuma dalam tempoh dua tahun.

Di samping itu Jabatan Kemajuan Perumahan juga akan mlaratkan rancangan perumahan bagi Bahagian IV dan juga V di masa akan datang, di mana sambutan daripada kakitangan Bahagian III adalah sangat menggalakkan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Othman bin Haji Yaakub semasa menyaksikan pengundian lot-lot tanah Rancangan Perumahan Negara Bagi Pegawai-pegawai dan Kakitangan Kerajaan Bahagian III di Kampung Rimba, Gadong. — Gambar oleh Johari Buntar.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Malai Ali bin Malai Haji Othman menyampaikan hadiah kepada pemenang pertama peraduan seni fotografi bahagian terbuka, Awang Haji Rusdi bin Haji Abdul Latif. — Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Perkhidmatan-perkhidmatan kaunter sepanjang bulan Ramadan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Pos memaklumkan bagi pengetahuan orang ramai bahawa perkhidmatan-perkhidmatan kaunter di sepanjang bulan puasa akan diadakan seperti berikut:-

PERKHIDMATAN KAUNTER

Hari Isnin hingga Khamis dan hari Sabtu — Dari jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang.

Hari Jumaat — Dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi.

PERKHIDMATAN KIRIMAN WANG DAN PETI SURAT

Hari Isnin hingga Khamis dan hari Sabtu — Dari jam 8.00 pagi hingga 1.30 petang.

PENYAMBUNGAN LESEN, CUKAI JALAN DAN BIL TELEFON

Hari Isnin hingga Khamis dan hari Sabtu — Dari jam 8.00 pagi hingga 12.30 tengah hari.

PEMBAYARAN AIR DAN ELEKTRIK

Hari Isnin hingga Khamis dan hari Sabtu — Dari jam 8.00 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Kursus Outward Bound School

Oleh
Aliddin HM

TEMBURONG, 17 Januari. — Seramai 11 orang pegawai perkhidmatan awam dari pada jabatan-jabatan kerajaan hari ini telah menerima sijil mereka setelah menamatkan Kursus Outward Bound School yang berlangsung di Pusat Belia di sini.

Penyampaian sijil tersebut telah disempurnakan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas, di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Bakry.

Kursus anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan itu bermula pada 15 hingga 17 Januari, 1996.

Para peserta kursus telah diajarkan beberapa perkara mengenai ketahanan diri dalam hutan di Pusat Lojistik

Outward Bound School di Batang Duri seperti cara menggunakan 'flying fox', mendaki bukit, berdayung menyusur arus dan sebagainya.

Kursus antara lain bertujuan untuk melatih para

peserta supaya akan dapat mengatasi sebarang halangan dan masalah di dalam hutan. Di samping menguji ketahanan mental, fizikal dan rohani para peserta bila mereka berada di dalam belantara.



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Bakry menyampaikan sijil kepada salah seorang pegawai Perkhidmatan Awam yang menamatkan Kursus Outward Bound School. — Gambar oleh Abdullah HAD.

Kadar kemalangan meningkat dalam masa 10 tahun

Oleh
Hj. Ahmad HS

KOTA BATU, 18 Januari. — Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Malai Ali bin Malai Haji Othman berkata, kadar kemalangan telah meningkat dalam masa 10 tahun yang lalu mencapai 2,000 hingga 3,000 kemalangan setahun, manakala bilangan kematian meningkat 40 kepada 65 setahun.

Dato Paduka Malai Ali menjelaskan demikian di Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-18 Majlis Keselamatan Jalan Raya dan Penyampaian Hadiah Kepada Pemenang Peraduan Seni Fotografi, Melukis Poster dan Menulis Esei Keselamatan Jalan Raya yang berlangsung di Muzium Brunei di sini.

Beliau menambah, untuk membendung bilangan kemalangan tersebut Majlis Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam telah bertungkus-lumus untuk membuat beberapa rancangan dan telah berusaha untuk meningkatkan kesedaran pada masyarakat tentang budaya selamat (safety culture) Dato Paduka mengandaikan ada kemungkinan kita kurang memahaminya, tambahan lagi sikap kita merahsiakan perkara yang tidak baik. Dengan demikian tidaklah dapat kita merahsiakan jumlah bilangan kemalangan dan kematian yang sentiasa meningkat dan juga tidak dapat merahsiakan bahawa masyarakat kita lemah dalam perkara ini.

Beliau seterusnya berseru kepada agensi-agensi supaya tidak akan hanya sama-sama menikmati kejayaan tetapi juga untuk sama-sama menyediari dan mempertanggungjawabkan masalah ini dengan masyarakat.

Tempat kedua menerima wang tunai sebanyak \$750 yang mana dimenangi oleh Pengarah Perkhidmatan Air, Awang Haji Samat bin Haji Abas.

Peraduan seni fotografi bahagian terbuka, tempat pertama dimenangi oleh Awang Haji Rusdi bin Haji Abdul Latif, menerima wang tunai \$1,500. Tempat kedua menerima wang tunai sejumlah \$1,000 dimenangi oleh Abdul Rahman bin Mohammad dan tempat ketiga menerima wang tunai sejumlah \$750.

Sementara pemenang pertama dalam peraduan melukis poster, tempat pertama dimenangi oleh Pengiran Zainin bin Pengiran Mansor. Tempat kedua dimenangi oleh Haji Mohd. Abidin bin Haji Rashid menerima wang tunai sejumlah \$1,500. Tempat ketiga menerima wang tunai \$750 dimenangi oleh Awang Yahya bin Haji Mohamed.

Manakala Awang Haji Tamam bin Haji Samat pula pemenang tempat pertama dalam kategori peraduan menulis esei. Beliau menerima wang tunai sejumlah \$1,500. Tempat kedua dimenangi oleh Haji Sulaiman bin Haji Duraman dengan menerima wang tunai sebanyak \$1,000 dan tempat ketiga menerima wang tunai \$750 yang dimenangi oleh Dayangku Masni binti Pengiran Haji Damit.

200 gerai Ramadan disediakan

Oleh
Abdullah Asgar

JERUDONG, 20 Januari. — Atas titah perkenan Keberwah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Beginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, umat Islam di negara ini akan memulakan ibadah puasa pada hari Isnin, 22 Januari 1996 bersamaan 1 Ramadhan, 1416 Hijrah.

Kadi-kadi dan pegawai dari Kementerian Hal Ehwal U管家 dan Jabatan Urusan, Kementerian Pembangunan tidak dapat melihat anak buah Ramadhan di beberapa tempat tertentu di negara ini. Anak bulan juga tidak dapat dilihat di Republik Indonesia iaitu Wilayah Kalimantan dan Malaysia iaitu Sabah dan Sarawak, di mana wilayah dan negeri-negeri ini satu mutlaknya dengan negara ini.

Oleh yang demikian per-

disarungkan antengah jam dari waktu biasa.

Dalam hal itu, di bulan Ramadhan yang masuk ini pada Jatuhnya Leontong Bandar Seri Begawan telah menyediakan gerai gerai jualan bagi para penjaja makanan sempena buahat puasa di kawasan Pasear Baru Gadong, di mana sebanyak lebih 200 gerai telah disewa kepada para penjaja.

Sementara itu, lebih 200 lagi gerai-gerai jualan disewa kepada persatuan-persatuan belia dan belia perseorangan di kawasan letak kereta Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Sementara itu, Unit Hal Ehwal Kemasyarakatan Kampong Pulai menyediakan sebanyak 10 buah gerai jualan yang akan dikendalikan oleh unit itu. Gerai-gerai jualan juga diadakan di daerah-daerah lain.

Sementara itu waktu-waktu bertugas di kementerian-kementerian dan pejabat-pejabat kerajaan di negara ini adalah bermula dari jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang. Bagi mereka yang bergaji hari pulia



SEBAHAGIAN daripada pegawai-pegawai dari Kementerian Hal Ehwal U管家 dan Jabatan Urusan yang berusaha dalam penglibatan anak-anak Ramadhan. — Gambar oleh Haji Mamalah HMA.

PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA....

PENDAPAT yang terpilih minggu ini dari tajuk yang telah kami kemukakan iaitu "PENDIDIKAN ISLAM BENTUK GENERASI BERAKHLAK MULIA DAN TINGGI". Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

ISLAM adalah agama yang suci dan lurus yang patut dijadikan panduan bagi semua manusia di dunia ini. Dengan keluhuran serta keberkatan dari Allah juga kita dapat hidup dengan aman selaras dengan konsep kita : negara Melayu Islam Beraja.

Pendidikan Islam haruslah mula dipupuk sejak dari kcil lagi supaya setiap individu itu mengenal erti serta kemuliaan agama ini di sisi-Nya. Ibu bapa memainkan peranan yang penting untuk sama-sama menitikberatkan serta memberi bimbingan kepada anak-anak mereka supaya menjadi generasi yang berakhlak mulia dan tinggi pada pandangan masyarakat.

Di samping itu, kerajaan kita telah banyak membangunkan sekolah-sekolah agama untuk kepentingan anak bangsanya. Selain daripada didikan ibu bapa, guru-guru akan mengajarkan ilmu yang bersangkutan-paut dengan agama dengan lebih mendalam lagi. Maka dengan langkah seperti ini terbentuklah generasi yang berpengetahuan dan berfikiran mantap.

Di dalam negara kita yang sedang membangun, pesat dengan kemajuan sains dan teknologi, pendidikan agama tidak pernah tenggelam dalam arus pemodenan, bahkan aktiviti-aktiviti keagamaan menyemarakkan lagi syiar Islam serta bertujuan untuk menjalinkan ikatan yang muhibah di kalangan masyarakat.

Dari segi aspek kehidupan kita seharian, generasi kita sudah mulai jinak dengan sikap tidak berat tulang dan mudah dan bertimbang rasa di antara satu sama lain. Perbezaan dari segi kehidupan dan cara pemerintahan amat ketara sekali jika kita banding dengan masyarakat di negara Barat.

Ini tidak bermakna orang-orang Barat adalah punca utama mengapa sebilangan daripada generasi masa kini mulai kabur dan lebih condong kepada pengaruh dari sana, sebaliknya ini disebabkan oleh hilangnya pedoman serta didikan Islam pada diri individu itu sendiri. Nyatalah 'pendidikan Islam' itu amat penting dipupuk di kalangan masyarakat bagi pembentukan akhlak yang sempurna dan hidup yang berkualiti.

Dayang Hajah Noridah binti Haji Yusof
No. 32 'D' Kampong Tamoi Tengah
Bandar Seri Begawan, 2080.

PENDIDIKAN Islam adalah pendidikan agama kita yang berasaskan Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Kita umat Islam sepertutnya mempelajari dengan teliti mengenainya. Di sebalik pendidikan Islam itu akan dapat mengatur dan membentuk kita ke jalan yang direncanakan oleh Allah dan juga mengajar tentang nilai-nilai kehidupan yang sebenar.

Pokoknya dapatkah pendidikan Islam membentuk generasi berakhlak mulia dan tinggi? Sudah tentu dapat selagi pendidikan Islam itu disampaikan dan di terima

oleh generasi-generasi dengan baik. Di sini kita sebagai generasi Islam memainkan peranan yang utama di dalam mengembangkan pendidikan Islam terutamanya kepada generasi-generasi baru. Ada tiga peranan untuk mengembangkan pendidikan Islam itu.

Peranan pertama ialah peranan ibu bapa. Ibu bapa itu sudah setentunya mengajurkan dan memastikan anak-anak mereka bersekolah agama. Ibu bapa juga sepatutnya turut sama mengajar tentang pendidikan agama di rumah serta menyuruh anak-anak mereka mengamalkan apa yang telah dipelajari di sekolah agama itu. Bagi peran ini telah pun dilakukan oleh ibu bapa dan semua ibu bapa di negara kita ini berduyun-duyun menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama untuk mendapatkan pendidikan Islam.

Kedua, diambil oleh generasi-generasi itu sendiri. Walaupun pendidikan Islam disampaikan dengan sempurna, namun terpulanglah kepada penerimaan generasi itu sendiri. Jika diterima pendidikan agama itu dengan baik maka akan baiklah akhlaknya begitu juga sebaliknya jika diabaikan. Mampukah generasi-generasi kita memainkan peranan mereka dan mempraktikkan pendidikan yang disampaikan? Semoga mereka mampu melakukannya.

Ketiga, ialah peranan negara kita sebagai sebuah negara Islam. Peranan negara kita sebagai sebuah negara Islam sudah pun dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Pihak kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal U管家 telah pun mengatur pendidikan agama dengan membuka sekolah-sekolah agama. Terdapat juga kursus-kursus pengajian agama di maktab-maktab, institut malahan hingga ke universiti. Syukur alhamdulillah, terdapat banyak alim ulama yang sama-sama mengembangkan pendidikan Islam melalui kaca televisyen dan juga di radio.

Kesimpulannya, pendidikan Islam akan berjaya membentuk generasi berakhlak mulia dan tinggi jika peranan-peranan itu tadi dilakukan. Berat sama dipukul, ringan sama dijinjing, marilah kita sama-sama memainkan peranan itu agar hidup kita akan lebih dirahmati oleh Allah.

Ak. Mohammad Aderis bin Pg. Tengah
No. 23, Simpang 10, Jalan 49,
Kg. Perpindahan Lambak Kanan, 3690.

PENDIDIKAN merupakan suatu proses pembelajaran dan pengajaran yang berlaku seumur hidup, sama ada dilakukan secara sedar atau tidak manusia tetap akan terus belajar dan melahirkan diri mereka sepanjang hayat, lebih-lebih lagi melalui pengaruh persekitaran dan pengalaman yang membentuk tingkah laku, konsep hidup dan kandungan pengetahuan mereka. Juga merupakan institusi yang amat penting dalam penerusan survival sesutu masyarakat.

Islam adalah agama yang mementingkan pendidikan kepada manusia iaitu pendidikan yang sempurna dalam semua aspek kehidupan terutama dari segi pemikiran, kerohanian, kejasmanian sehingga manusia itu akan menjadi insan yang sempurna dan berguna dalam masyarakat.

Juga mampu menghadapi ancaman kehidupan yang bermacam-macam daripada kepercayaan yang tidak sihat. Islam juga mendidik manusia dengan sifat-sifat yang terpuji seperti sabar, ikhlas, takwa, berdikari dan sebagainya. Oleh

TAJUK-TAJUK AKAN DATANG

1. 'Akhiak Mulia Menjadi Tonggak Jatidiri'. Tarikh tutup 4 Februari, 1996.

2. 'Fahami Budaya Asas Hidup Harmoni'. Tarikh tutup 11 Februari, 1996.

3. 'Keselamatan Dari Kesihatan Di Tempat Kerja.' Tarikh tutup 18 Februari, 1996.

Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langka dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 250 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Pendapat Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, 2041,
Negara Brunei Darussalam.

itu pendidikan Islam sepatutnya dimulai sejak kecil lagi.

Pendidikan berlaku di mana-mana bukan hanya dipertanggungjawabkan kepada guru-guru semata-mata malah ia juga diutamakan kepada ibu bapa kerana sebahagian besar masa anak-anak itu adalah di rumah. Pendidikan Islam pada anak-anak amat mustahak khususnya di zaman yang penuh dengan cabaran kebudayaan Barat dan pengaruh penyelewangan agama dan merebaknya ajaran sesat kerana anak-anak kita itulah nanti yang akan menjadi pemimpin generasi yang akan datang.

Majoriti masyarakat sekarang ini lebih mementingkan pendidikan dunia tanpa mengimbangi dengan pendidikan ukhrawi kerana pada pendapat mereka pendidikan Islam tidak mendatangkan keuntungan dari segi ekonomi. Disebabkan inilah timbulnya gejala-gejala sosial yang melanda masyarakat sekarang.

Untuk itu kita sebagai masyarakat yang prihatin perlu mengimbangi pendidikan dunia dan ukhrawi, agar dapat membentuk peribadi generasi yang akan datang dengan bentuk pendidikan yang lebih ideal bukan saja menerapkan pendidikan dunia malahan juga penerapan kepada pendidikan Islam.

Pada kesimpulannya, pendidikan Islam adalah merupakan kunci keselamatan dunia dan akhirat, sementara ilmu pengetahuan yang lain menjadi kekuatan dan kemajuan serta kesenangan hidup di dunia.

Dayang Rozainah binti Haji Johari
No. 11, Jalan Padang,
Kampong Penenjong Tutong, 5086.

Perutusan tahniah

Dari muka 1

Baginda juga telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Bill Hayden, Governor-General dan Yang Berhormat Paul Keating, Perdana Menteri Australia bersempena dengan Hari Australia.

Dalam perutusan baginda, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sejak lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Australia. Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan Baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berharap semoga Yang Amat

Berhormat Bill Hayden, sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Australia akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu dalam perutusan kepada Yang Berhormat Paul Keating, Perdana Menteri Australia, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat Australia sempena dengan Hari Australia.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Australia. Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda mendoakan semoga Tuan Yang Terutama akan sentiasa menikmati kemakmur-an dan sejahtera.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pengiran Dato' Seri Paduka Dr. Haji Ismail menyampaikan sijil ISO 9002 kepada Pengurusi Swee Sendirian Berhad, Yang Amat Mulia Pengiran Pekerman Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali. Berita lanjut di muka I. — Gambar oleh Harun Rashid.

Kitab suci Al-Quran tetap menjadi wawasan negara

PULAU, 27 Januari. — Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato' Paduka Malai Ali bin Malai Haji Othman menyarakkan agar beberapa usaha patut dibuat dari sekarang bagi memastikan Kitab suci Al-Quran tetap menjadi wawasan negara sampai bila-bila sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Di antara usaha-usaha itu, jelasnya ialah dengan memberikan kesedaran kepada pelajar-pelajar supaya menyintasi Kitab Al-Quran sejak di bangku sekolah lagi.

Perkara ini penting, tegas

Oleh
Zubaibah HS

Dato' Paduka, memandangkan pelajar-pelajar pada hari ini adalah merupakan bakal belia di masa hadapan.

Oleh yang demikian pelajar-pelajar tersebut, jelas Dato' Paduka perlulah didekatkan kembali dengan kitab Al-Quran, kerana kitab Al-Quran adalah merupakan asas yang pokok di dalam memupuk nilai-nilai keislaman.

Dato' Paduka yakin perkara ini dapat dilakukan dengan menanamkan kegemaran suka membaca dan menghafaz Al-Quran di kalangan pelajar, kerana kegemaran membaca dan menghafaz Al-Quran adalah salah satu bukti kecintaan seseorang itu kepada Kitab Al-Quran.

"Apabila kegemaran membaca dan menghafaz Al-Quran itu sudah tertanam di jiwa pelajar-pelajar, maka akan mudahlah baginya untuk mendalaminya, menerima pengajaran dan menghayatinya," jelasnya.

Dato' Paduka Malai Ali menjelaskan demikian ketika berucap selaku tetamu kehormat di Majlis Pertandingan Menghafaz Al-Quran Peringkat Akhir Sempena Sambutan Nuzul Al-Quran 1416 Hijrah/1996 Masih yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah di sini.

Dalam pada itu Dato' Paduka juga menasihatkan agar pembacaan kitab Al-Quran tidak terhenti apabila seseorang itu telah berjaya menghafaznya. Malahan pembacaan dan penghafazan itu hendaklah sentiasa berterusan di dalam hidupnya, sehingga menjadi sebahagian daripada kebudayaan hidup, tegas Dato' Paduka.

Bagi mencapai tujuan tersebut, bimbingan di sekolah-

tandingan ini telah dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu kategori 'A' bagi ayat-ayat lazim; kategori 'B' bagi Surah-surah Yaasin, Al-Mulk dan Sajadah; kategori 'C' bagi satu juz Al-Quran; kategori C2 bagi tiga juz Al-Quran; kategori C3 bagi lima juz Al-Quran dan kategori C4 bagi sepuluh juz Al-Quran.

Ianya antara lain bertujuan untuk menyemarakkan peristiwa Nuzul Al-Quran di samping untuk menggalakkan pelajar-pelajar dan orang ramai menghafaz dan mencintai Al-Quran.

Pertandingan kali keenam ini merupakan sebahagian daripada sambutan Nuzul Al-Quran peringkat kebangsaan pada 17 Ramadhan bersamaan 7 Februari depan.

oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, melalui Jabatan Pengajian Islam dengan kerjasama Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan selaku tuan rumah bagi pertandingan kali ini.

Di akhir majlis, Dato' Paduka Malai Ali telah juga berkesudahan menyampaikan hadiah dan sijil kepada peserta-peserta yang berjaya di pertandingan separuh akhir. Sementara keputusan bagi peringkat akhir akan diumumkan di Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Kebangsaan pada 17 Ramadhan bersamaan 7 Februari depan.

Hubungan baik akan terus diperkujuh

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Januari. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik India, Tuan Yang Terutama Tuan Pranab Mukherjee sempena Hari Republik India dan kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Australia, Tuan Yang Terutama Tuan Gareth Evans QS sempena Hari Australia yang kedua-duanya jatuh pada hari ini.

Duli Yang Teramat Mulia dalam sabda perutusan kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik India melahirkan kegembiraan bahawa hubungan antara Negara Brunei Darussalam dan Republik India akan terus diperkembangkan bagi manfaat rakyat kedua-dua negara.

Sementara dalam sabda perutusan kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Australia, Duli Yang Teramat Mulia menjelaskan bahawa Duli Yang Teramat Mulia dan Tuan Yang Terutama telah bekerjasama dengan gigih dalam beberapa hal di tahun-tahun yang lalu.

Dalam hubungan ini, Duli Yang Teramat Mulia penuh berharap untuk terus memperkujuhkan hubungan baik dikongsi bersama oleh kedua-dua buah negara.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Dato' Paduka Malai Ali bin Malai Haji Othman ketika hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Pertandingan Menghafaz Al-Quran Peringkat Akhir Sempena Sambutan Nuzul Al-Quran 1416 Hijrah/1996 Masih yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah. — Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

JUALAN BESAR-BESARAN DI BRUNEI MEMBALI TAH BISKITA DI BRUNEI



دربیتکن اوله جاتن فرازاغن، جاتن فردان منtri دان دجیتی اوله جاتن فرچیتین کراجان، کمترین اوندغ نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.